



SIARAN MEDIA

PENGGIAT MINERAL ANTARABANGSA DISERU SERTA 'PLATFORM SERANTAU MALAYSIA'

LIMA, 28 JUN 2026 – Malaysia giat menerajui beberapa inisiatif termasuk menyediakan *ASEAN Minerals Investment Forum* (AMIF) 2026 bagi memperkukuh kerjasama serantau merentasi ekosistem mineral dan kelestarian.

Perkara itu disuarakan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup ketika menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Meja Bulat Menteri Peringkat Tinggi bersempena Kongres Perlombongan Sedunia (WMC) 2026 di sini.

Beliau berkata, AMIF 2026 yang menghimpunkan penggubal dasar, pelabur, pemimpin industri dan pakar teknikal dari seluruh dunia bakal dianjurkan di Kuala Lumpur pada November depan selaras peranan Malaysia sebagai Pengerusi Kerjasama ASEAN dalam bidang mineral pada tahun ini.

Jelasnya lagi, platform itu membolehkan penggiat bidang membincangkan mengenai mineral kritikal, amalan perlombongan mampan, pemudahcaraan pelaburan, kerjasama geosains serta pembangunan nilai tambah hiliran.

"Platform ini akan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan pelaburan bertanggungjawab, memperkukuh rantai bekalan serta menyokong pertumbuhan industri bernilai tambah tinggi di ASEAN," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia mengalu-alukan penyertaan pemain industri mineral antarabangsa, termasuk agensi kerajaan dan institusi kewangan kerana ia memiliki potensi besar yang berfungsi sebagai jambatan ASEAN dengan dunia.

"Kami (Malaysia) percaya rantai bekalan mineral berdaya tahan memerlukan kerjasama antarabangsa. Malaysia menyokong kerangka kerjasama yang telus, inklusif dan saling menguntungkan," katanya.

Sementara itu, penyertaan Arthur pada sesi Mesyuarat Meja Bulat Menteri Peringkat Tinggi WMC 2026 berjaya memperkukuh keterlihatan dan peranan Malaysia dalam perbincangan antarabangsa berkaitan pembangunan sektor mineral kritikal, keselamatan rantai bekalan global serta amalan perlombongan mampan dan bertanggungjawab.

Sesi Mesyuarat Meja Bulat Menteri Peringkat Tinggi WMC 2026 itu bertujuan menghimpunkan menteri-menteri, pembuat dasar, wakil industri dan organisasi antarabangsa untuk membincangkan hala tuju pembangunan mineral kritikal, rantai bekalan global serta perlombongan mampan dalam menyokong peralihan tenaga dunia.

Pelbagai perkara dibincang dan dipersetujui pada sesi itu antaranya semua peserta bersetuju bahawa permintaan terhadap mineral kritikal akan terus meningkat sejajar pembangunan teknologi hijau, tenaga boleh baharu, kenderaan elektrik dan kecerdasan buatan..

Semua peserta berpendapat pengeluaran mineral perlu menumpukan kepada aktiviti pemprosesan dan industri hiliran bagi meningkatkan nilai tambah serta pulangan ekonomi domestik, selain pembangunan sektor perlombongan perlu diseimbangkan dengan perlindungan alam sekitar.

Turut dibincangkan ialah kepentingan memperkukuh keyakinan pelabur melalui sistem kawal selia yang cekap, proses perlesenan lebih pantas serta penglibatan komuniti setempat.

Beberapa negara juga menekankan kepentingan penggunaan kecerdasan buatan (AI), automasi, data geologi digital dan sistem pemantauan masa nyata bagimeningkatkan kecekapan industri perlombongan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
28 JUN 2026

